

NAMA : TINGKATAN :

MODUL PENINGKATAN PRESTASI MURID TINGKATAN 5
TAHUN 2024

PERNIAGAAN

KERTAS 1

SATU JAM LIMA BELAS MINIT

JANGAN BUKA MODUL INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Modul ini mengandungi **40** soalan.
2. Jawab **semua** soalan.
3. Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu **A, B, C dan D**. Bagi setiap soalan, pilih **satu** jawapan sahaja. **Hitamkan** jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.
4. Jika anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baharu.
5. Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik.

Modul ini mengandungi 23 halaman bercetak

- 1 Apakah kaedah perniagaan bagi organisasi bukan bermotifkan untung?
- A Jualan pada harga di atas kos
 - B Jualan pada harga di bawah kos
 - C Jualan pada harga diskaun
 - D Jualan pada harga rendah

- 2 Maklumat berikut berkaitan dengan bentuk pemilikan perkongsian.

- Tiada kuasa pengurusan.
- Menanggung liabiliti terhad.

Apakah jenis rakan kongsi tersebut?

- A Rakan kongsi berhad
 - B Rakan kongsi aktif
 - C Rakan kongsi biasa
 - D Rakan kongsi nominal
- 3 Apakah kelebihan usaha sama?
- A Memperluaskan jaringan perniagaan
 - B Memiliki satu perniagaan yang sistematik
 - C Mendapat sokongan dari pihak pengurusan
 - D Meningkatkan dana kewangan dan tenaga kerja

4 Maklumat berikut berkaitan dengan skala perniagaan.

Kuala Lumpur: Malaysia menjadi negara paling menarik di rantau Asia Tenggara untuk pelaburan asing, didorong oleh kejayaan negara menarik lebih RM220 bilion pelaburan yang diluluskan pada 2021 untuk sektor pembuatan dan perkhidmatan, demikian menurut Indeks Peluang Global (GIO) Milken Institute 2022.

(sumber : dipetik dan diubahsuaikan daripada

<https://www.hmetro.com.my/bisnes/2022/01/804735/malaysia-paling-menarik-untuk-pelaburan-asing-di-asia-tenggara>, Harian Metro Sabtu 13/4/2024)


Apakah skala tersebut?

- A Kebangsaan
- B Domestik
- C Zon
- D Global

5 Apakah peranan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)?

- A Mewujudkan pusat-pusat perniagaan
- B Mewujudkan kawasan perindustrian
- C Menarik kemasukan pelabur tempatan
- D Menggalakkan penglibatan perusahaan kecil dan sederhana

6 Gambar 1 merupakan logo sebuah agensi kerajaan.



Gambar 1

Antara berikut, yang manakah peranan agensi tersebut?

- I Menjalankan penyelidikan dalam pembangunan sumber tenaga
- II Menjalankan kajian pemasaran untuk meningkatkan produktiviti
- III Menjalankan penyelidikan berkaitan pembangunan teknologi
- IV Menjalankan kajian bagi memastikan tiada penyelewengan kualiti

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

7 Maklumat berikut berkaitan dengan gaya pengurusan dalam perniagaan.

Encik Hadi merupakan seorang majikan di Syarikat Seroja Sdn Bhd. Beliau memberi kebebasan sepenuhnya kepada pekerja untuk membuat keputusan.

Apakah kesan gaya pengurusan tersebut kepada Syarikat Seroja Sdn Bhd?

- A Mewujudkan tingkah laku pekerja yang sukar dikawal
 - B Mempengaruhi pekerja untuk terus berusaha
 - C Menimbulkan ketidakpuasan hati pekerja
 - D Memberi motivasi kepada pekerja
- 8 Bagaimanakah kerajaan mengatasi masalah pengangguran kitaran?
- A Menyediakan insentif kepada peniaga yang membenarkan pekerja terus bekerja
 - B Merancang ekonomi sesuai dengan trend perubahan ekonomi semasa
 - C Melaksanakan dasar fiskal untuk mengekang kemelesetan ekonomi
 - D Menghadkan penggunaan mesin moden untuk proses tertentu
- 9 Apakah kesan perubahan persekitaran terhadap organisasi perniagaan dalam aspek undang-undang?
- A Membantu perubahan fesyen dan gaya hidup pengguna
 - B Melindungi hak semua pihak di dalam perniagaan
 - C Membantu pembangunan dalam teknologi
 - D Melindungi lambakan barang import

10 Gambar 2 menunjukkan sejenis organisasi.



Gambar 2

Apakah tumpuan organisasi tersebut?

- A Memuaskan kehendak masyarakat
- B Mengeluarkan barang dan perkhidmatan
- C Memberi perkhidmatan kepada masyarakat
- D Mendapatkan pembiayaan melalui pinjaman


11 Maklumat berikut berkaitan pengeluaran Syarikat Kenanga Sdn. Bhd.

RM	
Gaji	400,000.00
Sewa	50,000.00
Harga jualan seunit	125.00
Kos bahan mentah seunit	50.00
Kos utiliti seunit	30.00
Modal syarikat	500,000.00

Berapakah titik pulang modal?

- A 20 000 unit
- B 10 000 unit
- C 6 000 unit
- D 1 000 unit

- 12 Rajah 1 menunjukkan faktor yang mempengaruhi perubahan visi, misi dan objektif perniagaan.




Rajah 1

Pernyataan manakah yang menerangkan kekuatan X?

- A Membantu perniagaan menambahkan jualan
- B Mempunyai jumlah wang yang banyak
- C Menyumbangkan tenaga dan kepakaran
- D Menjalankan tugas pengurusan dengan cekap

13 Rajah 2 menunjukkan kesan kegagalan mencapai matlamat dan objektif perniagaan.




Rajah 2

Apakah kesan kegagalan X?

- A Sukar membesarkan kapasiti operasi perniagaan
- B Tidak dapat menanggung belanja operasi perniagaan
- C Sukar mendapat kerjasama daripada pihak berkepentingan
- D Tidak mempunyai kewangan yang kukuh untuk membina strategi

14 Rajah 3 menunjukkan carta organisasi Kilang Beras Mahsuri



Rajah 3

Apakah aspek penting yang digambarkan dalam carta tersebut?

- A Hubungan antara bahagian fungsian
- B Jumlah pekerja dalam organisasi
- C Pembahagian sumber
- D Hierarki pengurusan

15 Maklumat berikut berkaitan dengan peranan fungsian dalam perniagaan.


- Mengurus, menyimpan dan menerima rekod.
- Menyediakan dokumen.
- Mengurus mesyuarat.

Apakah bahagian fungsian yang terlibat?

- A Khidmat pelanggan
- B Sumber manusia
- C Pembelian
- D Pentadbiran

- 16 Apakah peranan fungsian kewangan dalam mengawal kewangan perniagaan?
- A Memantau setiap bahagian supaya masalah salah urus tidak berlaku
 - B Menentukan objektif kewangan yang hendak dicapai oleh organisasi
 - C Mengagihkan sumber kewangan mengikut masa dan jenis perbelanjaan
 - D Menjelaskan objektif kewangan secara terperinci untuk dijadikan garis panduan

- 17 Gambar 3 menunjukkan satu bahagian fungsian dalam organisasi perniagaan.



Gambar 3

Mengapakah bahagian fungsian tersebut penting kepada perniagaan?

- A Melancarkan proses pengeluaran produk
- B Merancang penambahbaikan produk sedia ada
- C Menjadikan operasi perniagaan lebih efektif
- D Meningkatkan keuntungan perniagaan


18 Maklumat berikut berkaitan dengan peranan bagi satu bahagian fungsian.

Bahagian fungsian	Peranan
X	Menyediakan pakar untuk memberikan nasihat dan maklumat secara terperinci.

Apakah X?

- A Bahagian fungsian jualan
- B Bahagian fungsian pemasaran
- C Bahagian fungsian pentadbiran
- D Bahagian fungsian khidmat pelanggan

19 Rajah 4 menunjukkan langkah - langkah pembangunan produk baharu.



Rajah 4

Apakah yang berlaku pada proses X?

- A Membuat produk prototaip
- B Menerangkan sasaran pasaran
- C Mengkaji kos dan unjuran keuntungan
- D Mengenalpasti penerimaan pengguna

- 20 Mengapakah organisasi perlu menjalinkan hubungan baik dengan pembekal?
- A Untuk mendapatkan penghantaran yang cepat dan berkualiti
 - B Untuk mendapatkan pembiayaan kewangan
 - C Untuk menjual barang dan perkhidmatan
 - D Untuk mendapatkan kelulusan tender
- 21 Pernyataan manakah menerangkan maksud pengurusan sumber manusia?
- A Usaha untuk meningkatkan kecekapan sistem pentadbiran dalam organisasi
 - B Usaha untuk mengurangkan risiko kerugian akibat kemerosotan perniagaan
 - C Usaha untuk membangunkan tenaga kerja dalam organisasi
 - D Usaha untuk mengagihkan sumber manusia secara berkesan
- 22 Maklumat berikut berkaitan dengan satu peranan pengurusan sumber manusia dalam perniagaan.

Pekerja berusaha untuk mencapai Indeks Pencapaian Utama (KPI) pasukan sebagai petunjuk kepada prestasi pencapaian kerja.

Apakah peranan tersebut?

- A Prestasi pasukan
- B Latihan peningkatan kemahiran
- C Pemantapan budaya profesional
- D Membangunkan pasukan untuk mencapai sasaran

23 Maklumat berikut berkaitan dengan struktur organisasi dalam perniagaan.

- Diamalkan dalam organisasi yang menawarkan perkhidmatan.
- Diwujudkan berdasarkan kepada keperluan dan kehendak pelanggan.


Apakah struktur organisasi tersebut?

- A Struktur organisasi berdasarkan fungsi
- B Struktur organisasi berdasarkan produk
- C Struktur organisasi berdasarkan pelanggan
- D Struktur organisasi berdasarkan matriks

24 Apakah tujuan perniagaan mengurus sumber fizikal?

- A Memastikan aset berada dalam keadaan selamat
- B Meningkatkan kecekapan pengurusan
- C Melindungi nama baik perniagaan
- D Mengelakkan risiko kebakaran

25 Gambar 4 menunjukkan produk Malaysia yang baru dilancarkan.



Gambar 4

Apakah cara untuk melindungi reka bentuk produk tersebut?

- A Mendaftar paten kereta dengan MyIPO
- B Mendaftar paten kereta di bawah Akta Syarikat 2016
- C Mendaftar model kereta di bawah Akta Hak Cipta 1987
- D Mendaftar reka bentuk dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia

26 Maklumat berikut berkaitan dengan perniagaan Puan Siti.

Puan Siti merupakan seorang pengusaha pakaian yang terkenal di Sungai Petani, Kedah. Beliau bercadang untuk mendapatkan pembiayaan daripada agensi kerajaan bagi membuka cawangan baharu di Kulim, Kedah.

Apakah kekuatan jenis pembiayaan tersebut?

- I Kadar faedah rendah
- II Pinjaman tidak memerlukan cagaran
- III Tidak tertakluk kepada terma dan syarat
- IV Bayaran balik pinjaman mengikut kemampuan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

27 Situasi berikut berkaitan dengan dua jenis pembiayaan.

R	Syarikat Teguh Berhad memerlukan sebuah kren dan sebuah jentolak bagi kerja-kerja pembinaan dalam tempoh tiga bulan.
S	Encik Kamarul ingin membeli sebuah lori tetapi kekurangan tunai.

Antara yang berikut, pernyataan manakah yang betul?

	R	S
A	Dapat memiliki aset	Dapat menggunakan aset
B	Tidak menanggung kos penyelenggaraan	Tidak memerlukan deposit
C	Tidak perlu menyimpan aset usang	Tidak memerlukan modal yang tinggi
D	Dikenakan faedah tahunan	Tidak dikenakan faedah tahunan

28 Apakah dokumen yang diperlukan untuk memohon pembiayaan daripada bank?

- I Rekod jualan dan pembelian
- II Salinan kad pengenalan
- III Gambar lokasi kedai
- IV Salinan bil utiliti

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

- 29 Apakah kegunaan penyata pendapatan kepada usahawan?
- A Menyediakan laporan kewangan bagi tujuan pembiayaan
 - B Mengetahui tanggungan atau hutang kepada pihak luar
 - C Menyediakan laporan kegiatan aliran tunai perniagaan
 - D Mengetahui kedudukan kewangan aset perniagaan

- 30 Maklumat berikut menunjukkan nisbah semasa bagi sebuah perniagaan.

Tahun	Nisbah Semasa
2022	1.5
2023	2.1

Tafsirkan prestasi perniagaan bagi tahun 2023 berbanding tahun 2022.

- A Prestasi perniagaan semakin merosot dan tidak mampu membayar hutang
 - B Perniagaan mampu membayar hutang dalam tempoh yang singkat
 - C Keupayaan perniagaan untuk menjual barangan dalam tempoh tertentu
 - D Keupayaan perniagaan untuk membuat pelaburan dalam menjana keuntungan
- 31 Butiran berikut diperolehi daripada penyata pendapatan Syarikat Klasik Sinar Sdn. Bhd.

Butiran	RM
Kos Belian	304 100
Kos Jualan	135 000
Jualan Bersih	566 600

Berapakah peratusan margin untung kasar?

- A 23.82%
- B 46.32%
- C 53.67%
- D 76.17%

32 Maklumat berikut berkaitan dengan kelebihan menjadi usahawan.

- Membuka peluang pekerjaan
- Memberikan pelbagai pilihan produk
- Mengurangkan kadar jenayah

Kelebihan di atas merujuk kepada

- A diri
- B negara
- C keluarga
- D masyarakat

33 Bagaimanakah pemasaran membantu seorang usahawan?

- I Meningkatkan jualan produk
- II Menentukan harga yang sesuai
- III Menjamin keuntungan yang lumayan
- IV Memperkenalkan produk sedia ada di pasaran baharu

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

34 Dialog berikut adalah perbualan di antara Encik Arif dan Encik Azri.

Encik Arif : Wah! makin maju perniagaan piza kamu Azri. Adakah perniagaan ini sudah didaftarkan?

Encik Azri : Ya, perniagaan ini sudah saya daftarkan.

Antara yang berikut, manakah kesan tindakan Encik Azri?

- I Mendapat entiti yang sah di sisi undang-undang
- II Dapat mengembangkan skala perniagaan
- III Mendapat jaminan perlindungan insurans
- IV Layak mendapat pinjaman daripada agensi kerajaan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV


35 Maklumat berikut berkaitan dengan akta penubuhan sebuah perniagaan.

Akta	Keterangan Akta
R	<ul style="list-style-type: none"> • Bilangan pemegang syer sekurang-kurangnya seorang dan tidak melebihi 50 orang. • Bilangan pengarah sekurang-kurangnya seorang dan tiada had maksimum.

Apakah R?

- A Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012
- B Akta Kontrak 1950
- C Akta Syarikat 2016
- D Akta Pendaftaran Perniagaan 1956

36 Rajah 5 merupakan prosedur pemerbadanan sebuah entiti perniagaan.



Rajah 5

Apakah maklumat yang perlu dilengkapkan pada prosedur X?

- A Peraturan syarikat
- B Pinjaman syarikat
- C Status syarikat
- D Rizab syarikat

37 Perbezaan yang manakah betul tentang dua entiti perniagaan berikut?

	Syarikat Sdn.Bhd.	Perkongsian Liabiliti Terhad
A	Liabiliti tidak terhad	Liabiliti terhad
B	Sumbangan modal oleh pemegang saham	Sumbangan modal oleh pekongsi
C	Tertakluk kepada Akta Syarikat 2016	Tertakluk kepada Akta Pendaftaran Perniagaan 1956
D	Bilangan pemilik 2 hingga 50 orang	Bilangan pemilik 2 hingga 20 orang

INV34533

SALINAN

Dokumen X
SMART Digital
 No.30 Shahab Perdana, 05350 Alor Setar, Kedah.

Kepada:
 Rezky ICT
 Batu 21, 08300 Gurun Kedah

Bil	Butir	Harga (RM)	Unit	Jumlah (RM)
1	Printer Epson L5130	640.00	6	3840.00
Jumlah				3840.00
			Diskaun 5 %	192.00
Jumlah Keseluruhan				3648.00

Ringgit: Tiga ribu enam ratus empat puluh lapan sahaja.
 Syarat: 10% 14 hari
 Angkutan dibayar
 K&Kdi K

Salim
Pengurus
Aisyah
Penerima

Apakah kegunaan dokumen X?

- A Menjadi bukti penerimaan dan pembayaran yang telah dibuat
- B Memaklumkan pembeli bahawa hutangnya telah bertambah
- C Menunjukkan ringkasan urusan antara pembeli dengan penjual
- D Melibatkan urusan secara kredit antara penjual dengan pembeli

39 Maklumat berikut berkaitan dengan Penyata Aliran Tunai sebuah perniagaan.

Radiff Perabot Enterprise
Penyata Aliran Tunai bagi tiga bulan berakhir 31 Mei 2024

Butir	Mac	April	Mei
	RM	RM	RM
Baki b/b			
Penerimaan			
Jualan			
Jumlah penerimaan			
X			
Jumlah			
Lebihan / (Kurangan)			
Baki h/b			

Antara yang berikut, manakah kemungkinan butiran X?

- I Komisen
- II Belian tunai
- III Gaji pekerja
- IV Ambilan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

40 Apakah tujuan usahawan menyediakan rancangan perniagaan?

- A Memastikan projek yang dirancang berdaya maju
- B Menilai projek yang dirancang secara umum
- C Mengelak risiko dan masalah yang timbul
- D Merancang keperluan sumber perniagaan

MODUL TAMAT